



PEKELILING
LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN SABAH
BILANGAN 1 TAHUN 2021

SEMUA PEMEGANG LESEN BAS BERHENTI-HENTI
DI KOTA KINABALU

PEMBEKUAN PERMOHONAN BAHARU & UBAHSYARAT
GANTI KENDERAAN
BAGI KELAS LESEN BAS BERHENTI-HENTI

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pemegang lesen **Bas Berhenti-henti (BB)** berkaitan **pembekuan Permohonan Baharu dan Ubah Syarat ganti kenderaan** di seluruh Kota Kinabalu.

2.0 LATAR BELAKANG

Mesyuarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah Bil.1 Tahun 2021 telah bersetuju untuk membekukan semua Permohonan Baharu dan Ubah Syarat ganti kenderaan bagi kelas lesen BB di Kota Kinabalu bagi melaksanakan Program Transformasi Bas Berhenti-henti yang telah diumumkan Kerajaan Persekutuan pada Ucapan Belanjawan 2021.

3.0 PELAKSANAAN

- 3.1 Borang Permohonan Baharu bagi kelas lesen tersebut tidak akan diterima di kaunter.
- 3.2 Permohonan Ubah Syarat ganti kenderaan bagi kelas lesen tersebut tidak akan dipertimbangkan.

PEKELILING LPKP SABAH BILANGAN 1 TAHUN 2021

4.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan Pekeliling ini **berkuat kuasa mulai 8 Mac 2021**.

5.0 PENUTUP

5.1 Pekeliling ini hanya terpakai kepada pemegang kelas lesen Bas Berhenti-henti di Kota Kinabalu sahaja.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(ARFIAN BIN JULIAN)

b.p Setiausaha

Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah

25 FEBRUARI 2021

s.k. Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan
Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia, Sabah
Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan, Sabah
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu